

PM sifatkan rasuah sama dengan penagihan dadah

KUALA LUMPUR 17 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, penyakit rasuah akan terus berleluasa di kalangan orang yang tamak haloba jika mereka yang diberi tanggungjawab untuk bertindak terhadap pelaku rasuah tidak sanggup menjalankan amanah tersebut.

Sambil menyifatkan sogokan rasuah sebagai tiada bezanya dengan penagihan najis dadah, Perdana Menteri berkata, ini dapat dilihat apabila ketua jabatan, lembaga tata tertib jabatan atau kementerian, umpamanya, enggan melaporkan serta mengambil

tindakan tegas terhadap kakitangan di bawah jagaan mereka.

"Mereka enggan melaporkannya semata-mata kerana belas kasihan atau untuk tidak memburukkan imej jabatan atau kementerian masing-masing.

"Dengan terlepasnya daripada tindakan, bukan sahaja pelaku rasuah akan menjadi lebih berani tetapi anggota yang lain juga akan membenarkan diri mereka menerima rasuah. Dengan itu juga amalan rasuah akan berkembang," kata Datuk Sri Dr. Mahathir ketika berucap merasmikan Seminar Ke Arah Peningkatan Program

Pencegahan Rasuah Dalam Perkhidmatan Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara dekat sini pagi ini.

Seminar dua hari itu dihadiri oleh ketua-ketua jabatan peringkat kementerian, Persekutuan dan juga negeri.

Ini merupakan yang julung kali diadakan sempena genapnya 21 tahun penubuhan Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, ada yang berpendapat, rasuah disebabkan oleh pendapatan yang tidak mencukupi, tetapi jika ia adalah benar sudah tentu mereka yang berpendapatan tinggi tidak akan terlibat dengan rasuah.

"Tetapi apa yang berlaku ialah mereka yang berpendapatan tinggi ada yang meminta rasuah yang lebih banyak," kata beliau.

"Jelaslah di sini, bahawa rasuah tidak terikat dengan pendapatan atau pangkat tetapi ia disebabkan oleh perasaan tamak dan haloba," tambahnya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, jika masyarakat memandang ringan terhadap amalan rasuah dan tidak memandang hina kepada pelaku rasuah, ia akan menjadi perkara biasa yang akan diamalkan secara terbuka.

Kata beliau, sebenarnya, jika seseorang itu menerima rasuah, amatlah sukar untuk mengesan perbuatannya jika amalan itu disembunyikan.

Beliau menambah, sebab itulah cara mengurangkan amalan rasuah ialah dengan masyarakat sendiri memandang keji perbuatan rasuah dan memupuk nilai-nilai yang mulia di kalangan anggota masyarakat sehingga masing-masing dapat membendung nafsu tamak yang mempengaruhi manusia.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan kunci pencegahan rasuah ialah membendung perasaan tamak dan mengelakkan daripada amalan berbebanja lebih daripada pendapatan.

Kata beliau, kesedaran terhadap membendung rasuhalah yang menyebabkan kerajaan menubuhkan BPR pada tahun 1967 dan tugas BPR ialah mengesan dan mengambil tindakan terhadap anggota kerajaan dan masyarakat yang terlibat dengan gejala ini.